

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

**SBW 311 - Perindustrian dan Pembangunan Antarabangsa**

Masa: [3 jam ]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**Arahan:**

Sila jawab **TIGA** (3) soalan.

Semua soalan membawa markah yang sama.

**Soalan 1**

Setujukah anda dengan kenyataan bahawa 'proses pengeluaran industri boleh diperkenalkan tanpa mendatangkan suatu proses pengindustrian' (terj. drp. T. Hewitt, H. Johnson & D. Wield, *Industrialization and Development*, 1992, hal. 5)? (Jawapan anda harus disokong dengan hujahan-hujahan dan contoh-contoh yang sesuai.)

**Soalan 2**

Pada umumnya, apakah perbezaan-perbezaan yang penting antara rancangan perindustrian penggantian import (*import substituting industrialization*) dengan rancangan perindustrian berorientasikan eksport (*export-oriented industrialization*)? Khususnya, bincangkan dasar-dasar kerajaan Malaysia berhubung dengan perkara-perkara tersebut sejak 1957.

**Soalan 3**

Alice Amsden menghujah bahawa struktur perindustrian di Korea Selatan telah dipengaruhi oleh interaksi antara 'disiplin yang dikenakan oleh pihak pemerintah' dan 'kebangkitan perniagaan besar' (*Asia's Next Giant*, 1989, hal. 14). Dengan

menggunakan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan bentuk-bentuk 'disiplin pemerintah' yang telah menggalakkan kebangkitan perniagaan besar di Korea Selatan.

#### Soalan 4

Merujuk kepada petikan yang berikut, bincangkan peranan, dasar dan campur tangan pihak pemerintah yang telah menjayakan rancangan perindustrian berorientasikan eksport di beberapa negara perindustrian baru:

Salah satu daripada mitos-mitos yang menyelubungi negara-negara perindustrian baru ialah idea bahawa negara-negara tersebut merupakan ekonomi pasaran bebas yang lebih kurang sama seperti Amerika Syarikat ... namun demikian negara-negara perindustrian baru (mungkin kecuali Hong Kong) sukar dijadikan contoh perdagangan bebas. Hukum pasaran memang beroperasi di Singapura, Taiwan dan Korea Selatan tetapi tertakluk kepada kekangan atau 'panduan' yang dikenakan oleh golongan elit pemerintah.' (terj. drp. Walden Bello dan Stephanie Rosenfeld, 'The Rise and Crisis of the Dragon Economies', 1993).

#### Soalan 5

Merujuk kepada perubahan teknologi dan pola rantai perindustrian, khususnya, bincangkan secara kritis kebaikan dan keburukan fenomena pengantarabangsaan industri yang dialami oleh negara-negara yang disifatkan 'lewat mengindustrialisasi' (*late industrializing countries*).

#### Soalan 6

Bagaimanakah 'persekitaran antarabangsa mempengaruhi pengindustrian negara yang sedang membangun secara langsung dan tidak langsung' (terj. drp. R Chandra, *Industrialization and Development*, 1992, hal. 10)? Beri contoh-contoh yang sesuai untuk menyokong jawapan anda.